

Pengetahuan dan Persepsi Mengenai Baby hatch Dalam Kalangan Pelajar Profesion Menolong di
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
(*Knowledge and Perception on Baby hatch among the Students in Helping Profession Programs in
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*)

NUR SYAZA HANIN ABDUL RAHMAN, NOR JANA SAIM*, NORULHUDA SARNON@
KUSENIN & EZARINA ZAKARIA

ABSTRAK

Kajian dijalankan bagi mengetahui pengetahuan dan persepsi pelajar profesion menolong di Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap pusat khidmat perlindungan bayi (*baby hatch*). Populasi kajian ini adalah lebih kurang 560 orang yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dan siswazah di UKM dalam bidang psikologi, kaunseling dan kerja sosial. Seramai 294 responden kajian telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Data dikutip menggunakan menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian; demografi, pengetahuan dan persepsi. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 23. Hasil kajian yang dijalankan mencatatkan nilai purata min bagi mengkaji pengetahuan profesion menolong mengenai baby hatch adalah 2.13. Ini menunjukkan bahawa sebahagian responden kurang pengetahuan tentang perkhidmatan *baby hatch* di Malaysia. Kajian juga mendapati hampir separuh responden bersetuju perkhidmatan *baby hatch* diadakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden tidak pasti adakah perkhidmatan *baby hatch* bersesuaian dengan budaya masyarakat dan kepercayaan agama di Malaysia. Hasil kajian ini diharap dapat menyediakan maklumat berguna kepada semua pihak, pelajar juga pihak universiti.

Kata kunci: *Baby hatch*, Pengetahuan, Persepsi, Profesion Menolong & Malaysia

ABSTRACT

This study was conducted to examine the knowledge and perception of baby hatch centre among students in helping profession programs in Universiti Kebangsaan Malaysia. The population of this study is about 560 undergraduate and postgraduate students in UKM in psychology, counselling and social work programs. 294 respondents were selected by purposive sampling. Data were collected by a set of questionnaire containing three sections; demography, knowledge and perception. Data were analysed descriptively by using the Statistical Package of Social Science (SPSS) version 23. The results showed that the average mean value for knowledge of helping professions about baby hatch is 2.13. It shows that some respondents have lack of knowledge about baby hatch services in Malaysia. Furthermore, the study found a majority of respondents agreed the baby hatch services should be available in Malaysia. However most of them were unsure either the baby hatch services are suitable or not with the Malaysians culture and religious beliefs. The results of this study are expected to provide useful information to all parties, both students and the university.

Keywords: *Baby hatch*, Knowledge, Perception, Helping profession & Malaysia

PENGENALAN

Pada Mei 2010, perkhidmatan *baby hatch* telah dijalankan secara pertama kalinya di Malaysia di sebuah pusat kebajikan yang dikenali sebagai OrphanCare. Ianya terletak di pinggir bandar Petaling Jaya. OrphanCare merupakan satu organisasi bukan kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan. Objektif organisasi ini ditubuhkan adalah sebagai tempat perlindungan bagi anak yatim dan anak terabai/terbuang di Malaysia. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengurangkan kes pembuangan bayi. Dengan adanya perkhidmatan *baby hatch* membolehkan seorang ibu itu berasa selamat untuk meninggalkan bayi mereka di dalam bilik atau kotak bayi yang terkunci dan bayi itu dapat dilihat pada monitor televisyen dan penjaga/staf akan sedia maklum secara automatik.

Ibu-ibu yang meninggalkan bayi baru yang tidak dikehendaki di dalam kotak bayi tidak perlu risau tentang apa-apa tindakan undang-undang kerana ianya tidak dikira melakukan satu jenayah. Hal ini kerana, meletakkan bayi di *baby hatch* merupakan pilihan yang selamat untuk ibu-ibu yang terdesak yang mempunyai bayi baharu yang tidak dikehendaki daripada meninggalkan bayi di tempat lain yang menimbulkan risiko pada nyawa bayi.

Perkhidmatan *baby hatch* juga berfungsi untuk memastikan bahawa setiap bayi yang dilahirkan tidak kira agama atau latar belakang kaum juga mendapat keluarga yang sesuai melalui proses pengangkatan yang cepat dan teratur apabilaterdapat bayi yang ditinggalkan di dalam kotak yang disediakan, staf yang berada di OrphanCare akan serta-merta melaporkan kepada pihak polis untuk proses anak angkat. Segala keputusan atau kebenaran pengangkatan akan dibuat oleh mahkamah. Taraf warganegara bagi bayi yang ditinggalkan tanpa apa-apa maklumat atau dokumen akan dikira sebagai tanpa kerakyatan (bukan warganegara) sehingga pengangkatan itu dimuktamadkan dan ibu bapa angkat memohon kewarganegaraan bayi di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pihak OrphanCare juga membantu ibu bapa angkat dalam menguruskan dokumentasi seperti sijil kelahiran dan proses pengangkatan.

Selain itu, OrphanCare juga menyediakan perkhidmatan pemulihan seperti kaunseling, sokongan psikososial dan sistem sokongan untuk ibu yang membuang bayi mereka (Aruna2013). Pihak organisasi memberikan maklumat yang relevan untuk orang yang meninggalkan bayi, termasuk untuk meyakinkan bahawa jika ada perubahan hati atau fikiran, bayi itu akan dikembalikan kepada penjaga yang benar (Cochrane 2013).

Menurut laporan Laili Ismail, Fernando

Fong dan Arfa Yunus (2017), seramai 43 bayi telah diselamatkan melalui inisiatif *baby hatch*. Bagi tempoh Januari hingga September 2017, 11 bayi telahpun diselamatkan. Maka, sebanyak 13 pusat yang menyediakan perkhidmatan *baby hatch* telah ditubuhkan di hospital-hospital KPJ di seluruh negara –Damansara, Seremban, Tawakal(Pahang), Kuantan, Ipoh, Pulau Pinang, Johor, Perdana (Kelantan), Damai (Kota Kinabalu), Sarawak termasuk OrphanCare di Petaling Jaya, Sungai Petani, Johor Bahru. Oleh yang demikian, OrphanCare adalah sebagai titik transit sebelum bayi dijadikan sebagai anak angkat dalam masa yang sama memberi mereka peluang untuk membesar di dalam sebuah institusi keluarga yang sempurna.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian, penubuhan perkhidmatan *baby hatch* menimbulkan banyak reaksi dan kontroversi dari sudut norma, adat, dan undang-undang daripada masyarakat umum. Disebabkan itu, segelintir masyarakat umum sukar untuk menerima perkhidmatan seperti ini berdasarkan kepercayaan peribadi tetapi merasakan perkara seperti ini tidak dapat dielakkan jika dipertimbangkan secara realitinya.

Majoriti wanita atau perempuan yang mengandung sebelum berkahwin akan mengambil tindakan untuk menyembunyikan kandungannya seperti menggugurkan kandungan atau membuang bayi kerana stigma dan pelabelan yang diberikan oleh masyarakat. Oleh itu, wanita-wanita ini keliru dan terperangkap di antara perancangan mereka dengan apa yang diperkatakan oleh masyarakat umum. Lebih-lebih lagi di Malaysia, majoriti penduduknya beragama Islam, maka mana-mana perbuatan atau aktiviti yang berkaitan dengan seksual diluar perkahwinan dianggap bertentangan dengan peraturan dan juga ajaran Islam.

Sesetengah masyarakat umum mempercayai kewujudan *baby hatch* seolah-olah menggalakkan lagi aktiviti pengabaian dan pembuangan bayi oleh ibu bapa kandungannya sendiri. Ada juga yang berpendapat bahawa ibu bapa yang menggunakan perkhidmatan ini adalah ego dan tidak bertanggungjawab (Kashiwagi 2012). Bagi mereka, jika *baby hatch* tidak wujud, ibu bapa akan berusaha lebih keras untuk membesarkan kanak-kanak itu, walaupun dalam kes-kes kemiskinan, dan akan mendapatkan bantuan daripada kemudahan komuniti yang sesuai untuk menjaga anak yang baru lahir.

Disebabkan itu, menjadi peranan profesion menolong seperti pekerja sosial, kaunselor atau ahli psikologi untuk memberi kesedaran tentang pentingnya menyelamatkan nyawa bayi kepada masyarakat. Disamping membuang persepsi negatif terhadap wanita yang terlibat dalam hubungan seksual sebelum

berumah tangga, bagi mengelakkan bayi yang baru dilahirkan menjadi mangsa. Pelajar profesion menolong pada masa kini perlu mempunyai pengetahuan untuk menghadapi cabaran untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya menyelamatkan nyawa seseorang bayi yang tidak bersalah dan tidak tahu apa-apa.

Justeru timbul persoalan bagaimanakah tahap pengetahuan dan persepsi pelajar profesion menolong terhadap perkhidmatan *baby hatch*. Ini adalah kerana sebagai pelajar program profesion menolong, mereka ini adalah generasi pelapis kepada kakitangan barisan hadapan yang berurusan secara terus dengan klien yang memerlukan perkhidmatan *baby hatch*. Dengan sebab itu pengetahuan dan persepsi mereka terhadap *baby hatch* wajar dikaji. Kajian ini mensasarkan untuk mengukur tahap pengetahuan dan mengkaji persepsi pelajar profesion menolong mengenai pusat khidmat perlindungan bayi (*baby hatch*).

KAEDAH/METOD

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu perancangan yang dirangka dan dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi aktiviti pengumpulan data. Reka bentuk kajian adalah salah satu perkara yang menentukan cara dan juga kaedah bagi mengumpul data empirikal untuk menyelesaikan atau menjawab persoalan kajian yang dilakukan (Rozmi, 2013).

Kaedah kuantitatif bersifat deduktif akan digunakan dalam kajian ini. Kajian adalah berbentuk kajian lapangan dan menggunakan borang soal selidik. Seramai 294 orang prasiswazah dan siswazah yang mengambil bidang profesion menolong; psikologi,

kerja sosial dan kaunseling sebagai responden bagi menjawab soal selidik ini. Kajian dilakukan untuk mengenalpasti hubungan tahap pengetahuan dan persepsi mengenai *baby hatch* dalam kalangan pelajar profesion menolong.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik dalam bahasa Melayu. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk memperoleh maklumat mengenai latar belakang responden seperti jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan dan bidang akademik. Jenis item yang digunakan dalam bahagian ini adalah berbentuk (1) item pilihan tunggal (*single choice item*) di mana responden di minta untuk membuat pilihan dengan cara (✓) pada kotak yang disediakan berdasarkan pernyataan yang sesuai dengan mereka.

Bahagian B: Tahap pengetahuan pelajar profesion menolong mengenai perkhidmatan *baby hatch*

Bahagian ini mengandungi 11 item. Jenis item yang digunakan berbentuk skala Likert di mana pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) Ya (2) Tidak, dan (3) Tidak pasti. Bagi interpretasi kenyataan yang mengukur tahap pengetahuan pelajar profesion menolong mengenai perkhidmatan *baby hatch*, skor min yang diperoleh dinilai semula kepada tiga tahap : rendah, sederhana dan tinggi (Pallant, 2016) (Jadual 1).

JADUAL 1. Pengukuran tahap pengetahuan

Skor min	Tahap pengetahuan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber : Pallant (2016)

Bahagian C: Persepsi mengenai perkhidmatan baby hatch di Malaysia dalam kalangan pelajar profesion menolong di UKM.

Pada bahagian ini responden perlu menjawab 11 item soalan yang dikemukakan. Jenis item yang digunakan dalam bahagian ini adalah berbentuk skala Likert di

mana pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Kurang setuju, (3) Tidak pasti dan (4) Setuju, (5) Sangat setuju. Item-item soalan yang dibina telah dirujuk daripada penyelidik lain seperti Chuah (2013) dan Azizi, Yusuf, Jamaludin, Shahrin dan Faizah (2010). Antara itemnya adalah:

JADUAL 2. Taburan soalan Bahagian C

Bil	Item
1	Pada pandangan saya, <i>baby hatch</i> sesuai diadakan di Malaysia?
2	Bagi saya, adanya perkhidmatan <i>baby hatch</i> dapat mengurangkan masalah pembuangan bayi.
3	Pada pandangan saya, <i>baby hatch</i> adalah perkhidmatan untuk menyokong keselamatan ibu dan anak.
4	Bagi saya, kewujudan <i>baby hatch</i> bersesuaian dengan budaya masyarakat kita di Malaysia.
5	Saya berpendapat, kewujudan <i>baby hatch</i> bersesuaian dengan kepercayaan agama saya

Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan kepada 20 hingga 30 orang responden. Selari dengan Connelly (2008) yang menyarankan bilangan sampel untuk kajian rintis adalah 10% daripada sampel sebenar.

Tujuan pelaksanaan kajian rintis pada peringkat awal kajian adalah :

- i. Bagi menentukan kesesuaian soalan yang disediakan kepada responden kajian.
- ii. Memastikan soalan-soalan yang dibina dalam soal selidik dapat difahami oleh responden tanpa ada kekeliruan pada item-item. Item yang kurang baik akan mengelirukan responden dalam memberikan jawapan.
- iii. Membuat pengubahsuaian atau menambah baik item soal selidik sebelum kajian dijalankan.

Pensampelan Kajian

Pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan merujuk kepada

prosedur pensampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dan dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Dalam konteks kajian, pengkaji memfokuskan kepada pelajar profesion menolong prasiswazah dan siswazah dalam bidang psikologi, kaunselor dan kerja sosial.

Oleh yang demikian, merujuk kepada Krejcie dan Morgan (1970), pengkaji menetapkan sampel seramai 294 orang pelajar daripada populasi yang lebih kurang 560 orang.

Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi kajian adalah di sekitar kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pemilihan lokasi tersebut bersesuaian dengan sasaran pengkaji yang mahu mengukur tahap tekanan dan persepsi mengenai perkhidmatan baby hatch dalam kalangan pelajar profesion menolong kerana terdapatnya bidang-bidang berkaitan.

Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat dalam sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, kaedah utama yang digunakan dalam proses pengumpulan data adalah

melalui borang soal selidik. Menurut Sabitha (2005) soal selidik merujuk kepada borang yang diisi soalan serta ruangan untuk jawapan. Dalam kajian ini, borang soal selidik berbentuk skala ala likert (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju digunakan dalam Bahagian C dan D.

Proses Pengumpulan Data

Pengumpulan data oleh pengkaji dibantu oleh wakil prasiswazah dan siswazah daripada program psikologi, kerja sosial dan kaunseling di UKM dalam pengagihan borang soalan selidik. Seterusnya, setiap responden diminta untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara bersendirian. Setelah selesai menjawab keempat-empat bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik, responden diminta untuk mengembalikan borang soal selidik tersebut. Seterusnya, pengkaji membuat pemeriksaan terhadap soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Borang soal selidik yang didapati dijawab dengan lengkap akan diterima untuk proses analisis data. Manakala borang soal selidik yang tidak lengkap pula akan digantikan dengan soal selidik yang baru dan responden diminta menjawab soal selidik secara sendiri dengan diawasi oleh pengkaji

Analisis Data

Maklumat yang diperolehi melalui soal selidik akan diproses dan di analisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science). Pemprosesan data melibatkan aktiviti-aktiviti mengumpul, mengolah, menganalisis, menyimpan dan mengeluarkan data ke dalam komputer. Kaedah analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar profesion menolong mengenai perkhidmatan baby hatch dan persoalan kedua kajian iaitu mengenalpasti persepsi mengenai perkhidmatan baby hatch dalam kalangan pelajar profesion menolong di UKM.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Profil Responden Profil demografi responden dalam kajian meliputi perbincangan tentang jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan yang telah dicapai dan bidang akademik. Maklumat tentang latar belakang responden ini dapat membantu dalam pengamatan terhadap hasil kajian (Jadual 3). Bagi taburan jantina, analisis kajian dijalankan terhadap responden profesion

menolong di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan bilangan jantina lelaki seramai 57 orang manakala perempuan 237 orang. Mengikut Jadual 3 taburan umur responden yang terlibat adalah dari lingkungan umur 20 hingga 39 tahun. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan mereka yang berumur 22 tahun (36.7 peratus), manakala, 21 tahun (32.3 peratus), 23 tahun (20.7 peratus), 20 dan 24 tahun (3.1 peratus), 26 tahun (1.7 peratus), 25 tahun (1.4 peratus) dan pelajar berumur 27, 28 dan 39 tahun (0.3 peratus).

Analisis kajian seperti mana dalam Jadual 3 pula menunjukkan kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu iaitu berjumlah 261 orang (88.8 peratus). Manakala bangsa Cina iaitu 20 orang (6.8 peratus), bangsa India seramai sembilan orang (3.1 peratus) dan selebihnya terdiri daripada lain-lain bangsa iaitu seramai empat orang (1.4 peratus) terdiri daripada bangsa suluk, iban dan dusun. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini beragama Islam iaitu sejumlah 264 orang (89.8 peratus). Manakala selebihnya beragama Buddha iaitu 16 orang (5.4 peratus), beragama Hindu iaitu seramai lapan orang (2.7 peratus) dan selebihnya beragama Kristian iaitu seramai enam orang (dua peratus).

Seterusnya, dapatan kajian daripada Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan tertinggi adalah Ijazah Sarjana iaitu seorang (0.3 peratus), Diploma seramai 14 orang (4.8 peratus), diikuti Prauniversiti/Sijil berjumlah 105 orang (35.7 peratus) dan majoriti responden mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda dengan jumlah 174 orang (59.2 peratus). Kebanyakan responden merupakan pelajar kerja sosial dengan 161 orang (54.8 peratus), diikuti dengan pelajar psikologi 128 orang (43.5 peratus) dan pelajar kaunseling seramai lima orang (1.7 peratus).

Tahap Pengetahuan Pelajar Profesion Menolong Mengenai Pusat Khidmat Perlindungan Bayi (Baby hatch)

Jadual 4 menunjukkan tahap pengetahuan pelajar profesion menolong mengenai baby hatch mengikut tahap skor min Pallant (2016). Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar ini mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai pusat khidmat perlindungan bayi (baby hatch) iaitu seramai 258 orang (87.8 peratus).

Penemuan kajian ini memberikan petunjuk bahawa pelajar profesion menolong kurang pengetahuan tentang perkhidmatan baby hatch di Malaysia. Pelajar UKM terutamanya pelajar profesion menolong yang perlu berkhidmat kepada manusia dan masyarakat serta mempunyai ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk

membantu harus mengetahui dan memahami kewujudan yang mempunyai pengetahuan sederhana mengenai perkhidmatan baby hatch di Malaysia. Berdasarkan perkhidmatan baby hatch di Malaysia. kajian hanya 36 orang pelajar (12.3 peratus) sahaja

JADUAL 3. Ringkasan Taburan Profil Responden

Profil Demografi		N = 294	Peratus (%)
Jantina			
	Lelaki	57	19.4
	Perempuan	237	80.6
Umur			
	20	9	3.1
	21	95	32.3
	22	108	36.7
	23	61	20.7
	24	9	3.1
	25	4	1.4
	26	5	1.7
	27	1	.3
	28	1	.3
	39	1	.3
Bangsa			
	Melayu	261	88.8
	India	9	3.1
	Cina	20	6.8
	Lain-lain	4	1.4
Agama			
	Islam	264	89.8
	Hindu	8	2.7
	Buddha	16	5.4
	Kristian	6	2.0
Tahap pendidikan			
	Diploma	14	4.8
	Pra Universiti/Sijil	105	35.7
	Ijazah Sarjana Muda	174	59.2
	Sarjana Muda	1	.3
Bidang akademik			
	Bidang psikologi	128	43.5
	Bidang Kaunseling	5	1.7
	Bidang Kerja sosial	161	54.8

JADUAL 4. Tahap Pengetahuan

Tahap pengetahuan	N=294	Peratus (%)
Rendah	258	87.8
Sederhana	36	12.3
Tinggi	0	0
JUMLAH	294	100

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 5, majoriti (52.4 peratus) pelajar mengakui mengetahui mengenai perkhidmatan baby hatch (Item B1). (71.1 peratus) daripada pelajar profesion menolong ini juga turut mengetahui matlamat perkhidmatan baby hatch di Malaysia (Item B2).

Sebahagian besar (87 peratus) pelajar bersetuju baby hatch memberikan hak dan peluang untuk bayi itu untuk meneruskan hidup (Item B3). Pelajar profesion menolong mengatakan ya (69 peratus) untuk perkhidmatan ini boleh menjadi pilihan untuk wanita dan ibu bapa yang terdesak (Item B4) dan ya, (74 peratus) untuk ianya boleh memberikan perlindungan bayi kepada wanita atau ibu yang menghadapi masalah dari segi ekonomi (Item B5). Seterusnya, hanya (sepuluh peratus) bagi (Item B6) mengatakan tidak kepada perkhidmatan baby hatch merupakan alternatif sebagai pusat penjagaan kanak-kanak dengan perkhidmatan yang terhad.

Sebahagian pelajar profesion menolong bersetuju (55 peratus) dengan memilih jawapan ya, untuk kenyataan bahawa baby hatch berperanan untuk memberi perlindungan kecemasan kepada bayi sementara ibu / ibu bapa berfikir atau membuat apa-apa keputusan (Item B7). Lapan peratus menganggap baby hatch tidak mampu memenuhi tanggungjawab sosial dengan melindungi bayi yang tidak diingini (Item B8). Hasil kajian untuk (Item B9) responden tidak pasti (52 peratus) bahawa perkhidmatan baby hatch memberikan sistem perundingan dan sokongan pencegahan selama 24 jam dan telah mencatatkan min tertinggi dengan catatan 2.13. Mengikut jadual dia atas juga, (37 peratus) pelajar profesion menolong tidak pasti sama ada pasangan yang ingin mengambil anak angkat boleh menghubungi pusat kebajikan kanak-kanak yang mempunyai perkhidmatan baby hatch atau tidak (Item B10) dan tidak pasti (37 peratus) mereka sebagai seorang profesion menolong boleh mencadangkan perkhidmatan baby hatch kepada klien yang mempunyai anak sebelum berkahwin (Item B11).

Kesimpulannya, analisis bagi tahap

pengetahuan pelajar profesion menolong mengenai baby hatch di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dijalankan seramai 294 orang adalah pada tahap yang rendah walaupun min tertinggi adalah 2.13.

Persepsi Mengenai Baby hatch Dalam Kalangan Pelajar Profesion Menolong

Berdasarkan taburan data daripada Jadual 6, (49 peratus) pelajar profesion menolong bersetuju bahawa perkhidmatan baby hatch sesuai diadakan di Malaysia (Item C1) dan turut bersetuju perkhidmatan ini dapat mengurangkan masalah pembuangan bayi (45 peratus; Item C2). Merujuk pada (Item C3), segelintir pelajar (tiga peratus) tidak bersetuju baby hatch menjadi perkhidmatan untuk menyokong keselamatan ibu dan anak.

Bagi (Item C4), sebahagian besar responden mengakui tidak pasti (30 peratus) bahawa kewujudan baby hatch ini bersesuaian dengan budaya masyarakat kita, kewujudan baby hatch bersesuaian dengan kepercayaan agama saya (40 peratus; Item C5). Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan (33 peratus) berpendapat bahawa sikap tanggungjawab sebagai ibu dan bapa boleh berkurangan dengan adanya baby hatch (Item C6). Namun begitu, bagi (Item C7) sebahagian besar responden tidak pasti bagi kenyataan dimana bayi yang tidak diperlukan oleh ibu bapa kandung boleh diserahkan kepada baby hatch (27 peratus).

Daripada Jadual 6 juga, majoriti responden bersetuju bahawa sesetengah wanita terpaksa membuang bayi mereka kerana bayi itu adalah tidak sah/anak luar nikah (48 peratus, Item C8). Responden juga bersetuju bahawa meninggalkan bayi di baby hatch adalah pilihan terbaik kerana ia meningkatkan peluang bayi untuk bertahan hidup (40 peratus; Item C9). Seterusnya, (39 peratus) daripada 294 responden mengakui tidak pasti baby hatch dapat mengurangkan masalah seks bebas di Malaysia (Item B10). Mereka juga tidak pasti sama ada baby hatch dapat mengurangkan masalah seks bebas di Malaysia (31 peratus; Item C11).

Kesimpulannya, dapatan kajian bagi bahagian

persepsi mengenai baby hatch mencatatkan min tertinggi iaitu 3.83 pada item C9. Dimana, item tersebut dilihat bersesuaian dengan Teori Interaksi-Fenomenologi

yang menyatakan satu pandangan itu berikutan dengan penaksiran dan andaian mengikut kepentingan situasi (Heidegger 2008).

JADUAL 5. Taburan Pengetahuan Mengenai *Baby hatch*

Bil.	Item	Ya		Tidak		Tidak Pasti		Min
		P	%	P	%	P	%	
B1	Adakah anda tahu tentang perkhidmatan <i>baby hatch</i> ?	154	52	82	28	58	20	1.67
B2	<i>Baby hatch</i> menawarkan perkhidmatan kepada wanita yang mempunyai anak sebelum berkahwin untuk meletakkan/membuang bayi mereka di tempat selamat	209	71	14	5	71	24	1.53
B3	<i>Baby hatch</i> memberikan hak dan peluang untuk bayi itu terus hidup.	256	87	10	3	28	10	1.22
B4	<i>Baby hatch</i> boleh menjadi pilihan terakhir untuk wanita dan ibu bapa yang terdesak.	204	70	20	7	70	24	1.54
B5	<i>Baby hatch</i> boleh melindungi bayi kepada wanita yang menghadapi masalah dari segi ekonomi.	216	74	14	5	64	22	1.48
B6	<i>Baby hatch</i> merupakan alternatif sebagai pusat penjagaan kanak-kanak dengan perkhidmatan yang terhad.	154	52	28	10	112	38	1.86
B7	<i>Baby hatch</i> berperanan untuk memberi perlindungan kecemasan kepada bayi sementara ibu / ibu bapa berfikir atau membuat apa-apa keputusan.	161	55	36	12	97	33	1.78
B8	<i>Baby hatch</i> mampu memenuhi tanggungjawab sosial dengan melindungi bayi yang tidak diigini.	202	69	22	8	70	24	1.55
B9	<i>Baby hatch</i> memberikan sistem perundingan dan sokongan pencegahan selama 24 jam.	115	39	26	9	153	52	2.13
B10	Pasangan yang ingin mengambil anak angkat boleh menghubungi pusat kebajikan kanak-kanak yang mempunyai perkhidmatan <i>baby hatch</i>	171	58	15	5	108	37	1.79
B11	Perkhidmatan <i>baby hatch</i> boleh dicadangkan oleh profesion menolong kepada klien yang mempunyai anak sebelum berkahwin.	158	54	28	10	108	37	1.83

JADUAL 6. Taburan Persepsi Mengenai *Baby hatch*

Bil.	Item	Tidak setuju		Kurang setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat setuju		Min
		P	%	P	%	P	%	P	%	P	%	
C1	Pada pandangan saya, baby hatch sesuai diadakan di Malaysia	17	6	17	6	49	17	145	49	66	22	3.77
C2	Bagi saya, adanya perkhidmatan <i>baby hatch</i> dapat mengurangkan masalah pembuangan bayi.	17	6	25	9	47	16	133	45	72	25	3.74
C3	Pada pandangan saya, ' <i>baby hatch</i> ' adalah perkhidmatan untuk menyokong keselamatan ibu dan anak.	8	3	15	5	73	25	132	45	66	22	3.79
C4	Bagi saya, kewujudan <i>baby hatch</i> bersesuaian dengan budaya masyarakat kita di Malaysia.	34	12	56	19	88	30	78	27	38	13	3.10
C5	Saya berpendapat, kewujudan <i>baby hatch</i> bersesuaian dengan kepercayaan agama saya.	45	15	50	17	116	40	55	19	28	10	2.90
C6	Bagi saya, sikap tanggungjawab sebagai ibu dan bapa berkurangan dengan adanya <i>baby hatch</i> .	22	8	38	13	94	32	98	33	42	14	3.34
C7	Bagi saya, bayi yang tidak diperlukan oleh ibu bapa kandung boleh diserahkan kepada <i>baby hatch</i> .	54	18	57	19	79	27	74	25	30	10	2.89
C8	Saya berasa, sesetengah wanita terpaksa membuang bayi mereka kerana bayi itu adalah tidak sah/anak luar nikah.	19	7	17	6	54	18	140	48	64	22	3.72
C9	Bagi saya, meninggalkan bayi di <i>baby hatch</i> adalah pilihan terbaik kerana ia meningkatkan peluang bayi untuk bertahan hidup.	12	4	22	8	56	19	117	40	87	30	3.83
C10	Pada pandangan saya, <i>baby hatch</i> dapat mengurangkan masalah seks bebas di Malaysia.	61	21	67	23	114	39	24	8	28	10	2.63
C11	Pada pandangan saya, <i>baby hatch</i> dapat mengurangkan masalah seks bebas di Malaysia	70	24	67	23	92	31	38	13	27	9	2.61

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan pengetahuan dan persepsi mengenai *baby hatch* dalam kalangan pelajar profesion menolong di Universiti Kebangsaan (UKM). Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Hasil keputusan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mengenai *baby hatch* dalam kalangan pelajar profesion menolong berada pada tahap yang rendah. Catatan min tertinggi adalah 2.13 (Item B3) dengan majoriti tidak pasti bahawa perkhidmatan *baby hatch* memberikan sistem perundingan dan sokongan pencegahan selama 24 jam (52 peratus).

Manakala, sebahagian daripada pelajar profesion menolong berpendapat serta bersetuju bahawa meninggalkan bayi di *baby hatch* adalah pilihan terbaik kerana ia meningkatkan peluang bayi untuk bertahan hidup (40 peratus; Item C9) dan mencatatkan min tertinggi 3.83. Seterusnya, hasil kajian mendapati terdapatnya hubungan antara pengetahuan dan persepsi mengenai *baby hatch* dalam kalangan pelajar profesion menolong di UKM.

Hasil kajian ini selari dengan kajian Sawai (2013) yang berpendapat bahawa mereka yang berada dalam bidang profesion menolong seperti pekerja sosial, kaunselor atau pakar psikologi amat diperlukan di pusat-pusat perlindungan seperti *baby hatch* ini. Hal ini disebabkan, mereka yang dalam profesion ini, mempunyai pengetahuan serta kemahiran-kemahiran menghadapi masalah secara profesional dan mahir dalam merangka strategi penyelesaian masalah secara teratur dan sistematik. Seterusnya, profesion menolong ini juga berkemampuan dalam teknik terapi kaunseling dan membimbing klien untuk berfungsi dengan baik.

Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan pendapat Heidegger (2008) menyatakan persepsi dan pandangan seseorang tidak datang dengan sendirinya. Ini dibina daripada pelbagai faktor dalam pemikirannya dan diterjemah kepada satu pandangan dan seterusnya menghasilkan tindakan. Maka, pengetahuan yang positif mengenai pusat khidmat *baby hatch* akan mewujudkan persepsi yang positif juga begitu juga sebaliknya.

KESIMPULAN

Perkhidmatan *baby hatch* membantu dalam kebajikan bayi yang tidak diigini daripada dibuang di tong sampah, hutan dan sebagainya. Perkhidmatan ini, memberi harapan kepada bayi untuk mendapat keluarga baru melalui proses pengambilan anak angkat dan mendapat

kasih sayang seperti anak-anak yang lain. Daripada perkhidmatan ini juga, mereka akan dijaga dari segi pemakanan dan juga keperluan harian lain seperti lampin, pakaian dan rawatan perubatan. Jadi, kajian ini diharapkan dapat memahami matlamat perkhidmatan *baby hatch*.

Menurut Sawai (2013), pengurus tempat perlindungan bayi menghadapi cabaran untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menyelamatkan nyawa bayi yang tidak bersalah. Dalam membuat kesimpulan ini, pusat harus bekerjasama dengan pakar dari beberapa disiplin pengajian seperti pakar keagamaan, pekerja sosial, psikologi, pegawai perubatan, polis dan kaunselor. Hal ini kerana, mereka ini merupakan profesion yang menitikberatkan kebajikan masyarakat umum disamping dipercayai mempunyai pengetahuan dan pandangan yang berbeza dari masyarakat umum.

Di dunia ini, tidak ada sistem yang sempurna atau kemudahan khas untuk menyelamatkan nyawa. Namun begitu, kita perlu pertimbangkan perkhidmatan *baby hatch* dengan realiti sedemikian. Hal ini kerana, *baby hatch* diperlukan dalam masyarakat kita sekarang, walaupun ia adalah terbaik untuk tidak digunakan, namun ia adalah tempat perlindungan kecemasan yang berguna untuk untuk bayi dan ibu bapa. Oleh yang demikian, diharapkan pelajar profesion menolong mempunyai pengetahuan mengenai *baby hatch* dan berpandangan positif dalam memberikan bantuan kebajikan kepada yang memerlukan.

RUJUKAN

- Aruna, P. 2013. October 28. Safe place for unwanted babies. *The Star Online*. Akses pada Ogos 30, 2018. www.thestar.com.my
- Azizi Y, Yusof B, Jamaludin R, Shahrin H, Faizah I. 2010. Persepsi pelakuan agresif dan faktor yang mempengaruhi di lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru. *Sains Humanika*, 2010, 53 (1):75-94
- Chuah, K. M. 2013. Aplikasi media sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi pelajar universiti. *Issues in Language Studies*, 2(1), 56-63.
- Cochrane J. & Ming G.L. 2013. Abandoned babies: the Malaysian “*baby hatch*”. *Infant* 2013; 9;142-4
- Connelly LM. 2008. Pilot studies. *Medsurg Nurs* 17(6): 411-2
- Heidegger, M. 2008. *Basic Concepts of Ancient Philosophy*. Translated by Richard Rojcewicz. Bloomington: Indiana University Press, 2008.
- Kashiwagi, Y. 2012. Babyklappe and social care for children. *Bull Chiba Keizai Univ Jr Coll*, 8:15-28
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational*

- and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Laili Ismail, Fernando Fong & Arfa Yunus. 2017. Hatches safeguard mothers and newborns. *NST Online*. Akses pada Ogos 30, 2018 <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/10/295304/hatches-safeguard-mothers-and-newborns>
- Pallant, J. 2016. *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Allen and Unwin. Sydney
- Rozmi, I. 2013. *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sawai R.P, Sukor N.M, Salleh M, Halim M, Baharuddin D.F, & Sawai JP. 2013. *Management of baby dumping in Malaysia: Considering socio-cultural, legal and religious context*. DOI:10.12816/0010635

Nur Syaza Hanin Abdul Rahman, Nor Jana Saim*, Norulhuda Sarnon@Kusenin & Ezarina Zakaria
 Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
 Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM, Bangi Selangor

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: janasaim@ukm.edu.my

Diserahkan: 20 September 2018
 Diterima: 22 November 2018